

KONSTRUK PERSONAL PELAJAR DALAM PENULISAN KERTAS PROJEK CADANGAN PENYELIDIKAN

Bahiyah Dato' Abdul Hamid
Fuzirah Hashim
Siti Hamin Stapa
Jamilah Mustafa

Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Abstrak

Kebanyakan program akademik di peringkat Sarjana Muda memerlukan para pelajar menulis kertas projek sebagai sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan segulung ijazah. Bagi memenuhi keperluan ini, para pelajar dikehendaki menulis satu kertas projek di antara 12,000 ke 100,000 patah perkataan bergantung kepada tahap keperluan ijazah dan keperluan setiap institusi pengajian. Kajian ini adalah berasaskan kajian konstruk penulisan akademik pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Para pelajar yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada mereka yang sedang mengikuti Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Bahasa Inggeris di institusi pengajian tinggi tempatan di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti, sama ada pelajar yang telah didedahkan kepada metodologi kajian dan kursus penulisan akademik telah menggunakan konstruk personal sendiri atau konstruk tutor mereka dalam penulisan mereka. Teori konstruk personal telah diaplikasikan dalam kajian ini, menggunakan Grid Repertori dan temu bual bersama responden untuk mencari jawapan kepada persoalan yang dibincangkan.

Kata kunci: grid repertori, penulisan akademik, penulisan kertas cadangan penyelidikan, teori konstruk personal

STUDENTS' PERSONAL CONSTRUCTS IN RESEARCH PROPOSAL WRITING

Abstract

Most academic programmes at tertiary level require a thesis or at least a project paper as partial requirement in obtaining a degree. To fulfil this requirement, students are asked to write a thesis or a project paper from about 12,000 words to 100,000 words in accordance to the level of the degree pursued and the requirement of the respective academic institution. This paper is based on an investigation of students' academic writing constructs at the undergraduate level. The informants of this study were undergraduate students pursuing their BA in English Language Studies at a local institute of higher learning in Malaysia. This study seeks to find out whether students who, after being exposed to the research methodology and academic writing courses use their own construct or their tutors' construct in their writing. This study applies Personal Construct Theory using a Repertory Grid and interviews with the informants in seeking answers.

Keywords: academic writing, personal construct theory, repertory grid, research proposal writing

PENGENALAN

Di bawah program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Inggeris (BA ELS) di UKM, para pelajar ijazah pertama perlu mengikuti satu kursus metodologi kajian iaitu satu kursus wajib pada tahun akhir pengajian. Kursus ini berjudul “Metodologi Kajian” yang dikendalikan selama dua semester. Kursus ini menyediakan para pelajar dengan:

1. Satu pendedahan kepada prinsip-prinsip asas dalam membuat kajian dalam bidang-bidang yang menjurus ke arah Pengajian Bahasa Inggeris seperti: Linguistik, Linguistik Aplikasi dan Sastera;
2. Kaedah untuk melakukan satu kajian yang mendalam ke arah bidang pilihan mereka di mana mereka boleh mengaplikasikan prinsip-prinsip asas tersebut dalam pengumpulan dan penganalisan data.

Objektif pertama dijalankan semasa semester pertama di mana para pelajar mengikuti satu kursus 3 unit yang memberi persediaan kepada mereka untuk merancang projek kajian dan menulis kertas projek cadangan penyelidikan. Kursus ini memberi panduan mengenai langkah-langkah bagaimana untuk menulis kertas projek, di mana akhirnya para pelajar memilih bidang yang mereka minati, merancang projek kajian, menulis kertas projek dan menyerahkannya sebagai sebahagian daripada keperluan kursus. Objektif kedua pula adalah untuk memenuhi 4 unit projek kajian semasa semester kedua, di mana para pelajar telah ditugaskan kepada seorang penyelia untuk menyambung dan menulis kertas projek tersebut. Kesemua pelajar ijazah pertama program Pengajian Bahasa Inggeris perlu menyempurnakan kertas projek penyelidikan untuk lulus. Merujuk kepada konteks, kepentingan kertas projek cadangan penyelidikan sebagai konseptualisasi kertas projek penyelidikan tidak boleh dipandang remeh.

Merujuk kepada Philips dan Pugh (1987: 59) terdapat 4 elemen utama yang dibina dan dikonseptualisasikan oleh penyelidik dalam sesuatu penyelidikan. Ianya adalah:

1. Teori Latar Belakang, yang merangkumi pengetahuan dalam bidang yang dikaji oleh penyelidik;
2. Teori Fokus, penjelasan kajian dan sebab;
3. Teori Data, justifikasi kerelevanan dan kesahihan bahan yang digunakan untuk menyokong kajian; dan
4. Sumbangan, penilaian mengenai kepentingan kajian dan kerelevanan kajian dalam peningkatan disiplin.

Menurut pandangan ini, untuk mengkonseptualisasikan dan membuat sesuatu kajian, kami yakin bahawa para pelajar bukan sahaja perlu ada asas yang kukuh mengenai elemen-elemen di atas, tetapi juga pengetahuan mengenai disiplin. Mereka juga perlu diberi kesedaran bahawa dalam penulisan akademik, terdapat skema penulisan tertentu yang digunakan oleh para penyelidik. Ini termasuklah pengetahuan mengenai bahasa yang digunakan untuk menulis kertas projek yang koheren dan kebolehan untuk mengklasifikasi dan menyusun teks yang logik dan menyeluruh.

Dalam usaha untuk merancang kursus Metodologi Kajian yang berkesan, kami sedar bahawa terdapat satu faktor penting yang perlu diambil kira iaitu harapan para tutor dan konstruk yang mereka gunakan berbanding dengan konstruk pelajar sendiri dan tanggapan mereka mengenai apa yang terdapat di dalam kursus tersebut yang berkait rapat dengan penulisan kertas projek dan seterusnya menjalankan projek penyelidikan. Semasa kursus tersebut digubal, diandaikan bahawa konstruk pelajar akan sepadan dengan konstruk tutor,

dan pada akhir kursus, setiap pelajar dapat berperanan sebagai penyelidik yang mempunyai konseptualisasi kertas projek cadangan penyelidikan dan kertas projek penyelidikan yang relevan dan memiliki gaya penulisan yang relevan untuk dipadankan. Bagaimanapun, para tutor menjadi hampa dan kecewa kerana apabila membaca kertas projek pelajar, mereka mendapati pelajar mengikuti kursus tersebut dengan konstruk yang berbeza. Tambahan pula, sesetengah pelajar tidak mempunyai skema penulisan yang sesuai dalam penulisan akademik. Disebabkan itu, kertas projek yang dihantar berbeza di antara yang paling bagus kepada bukan sahaja yang paling lemah dalam konseptualisasi, tetapi juga lemah dari segi logik, bahasa yang digunakan dan juga penyusunan teks. Berpandukan kepada senario tersebut, satu kajian mengenai penulisan kertas projek cadangan penyelidikan para pelajar telah dijalankan untuk menjawab persoalan kajian di bawah:

1. Adakah para pelajar mempunyai konstruk mereka sendiri dalam penulisan kertas kerja? Jika ada, apakah ia?
2. Apakah konstruk tutor dalam menyediakan kertas projek?
3. Apakah konstruk yang digunakan oleh para pelajar dalam menulis kertas projek cadangan penyelidikan— konstruk tutor; konstruk pelajar sendiri; atau konstruk yang dicadangkan oleh pihak universiti?

Bjork and Raisanen (2003) mencadangkan pengajaran jenis-jenis teks (contoh: perbandingan/ kontra, sebab/ kesan) secara umum dan tipologi antara disiplin pada semester pertama, sebelum memperkenalkan pelajar kepada *genre* untuk disiplin masing-masing. Johns (2002) telah menemubual fakulti-fakulti daripada pelbagai disiplin, menyangkal bahawa kita perlu memulakan kelas dengan teori konstruktivis sosial yang membawa kita kepada konsepsi *genre* moden. Coe (2002) pula berpendapat: *genre* melambangkan strategi penubuhan sosial untuk mencapai tujuan dalam situasi retorik. Ianya bukan sahaja jenis-jenis teks; ianya memberi implikasi atau membuat semula konstruk situasi (dan konteks), komuniti, penulis dan pembaca. Maka, memahami *genre* yang ditulis oleh mereka akan membantu para pelajar menjadi penulis yang versatil dan mampu untuk menyesuaikan diri dengan berbagai jenis penulisan yang mungkin mereka akan hadapi dalam kehidupan mereka. Kruse (2003: 27) menyokong Coe dengan mengatakan bahawa:

“ we should remember that academic writing is a complex, self management process in which students must cope with neatly all aspects or writing simultaneously”.

Menyedari bahawa penulisan teks akademik adalah satu *genre* yang kompleks, dinamik dan merupakan satu konstruk sosial, kita perlu membantu para pelajar dalam teks penulisan akademik. Maka, selangkah demi selangkah petunjuk tentang bagaimana menulis kertas projek cadangan penyelidikan adalah pendekatan yang kami gunakan di institusi ini. Kebimbangan yang timbul terhadap kertas projek adalah apabila para tutor mendapati banyak kertas projek ditulis dengan lemah dan selalunya projek penyelidikan tidak berjalan dengan lancar. Oleh itu, ramai pelajar terpaksa menulis semula kertas projek cadangan penyelidikan mereka semasa semester kedua di mana mereka sepatutnya menumpukan sepenuh perhatian kepada projek penyelidikan. Pada masa ini, jika ijazah digantung hanya kerana para pelajar gagal untuk menyempurnakan kertas projek mereka bukanlah suatu kes yang luar biasa. Oleh itu penyiasatan mengenai penulisan kertas projek cadangan penyelidikan adalah satu cadangan yang signifikan, sebagaimana yang telah dibincangkan di atas. Ianya juga menyediakan panduan dan sokongan untuk merancang kursus Metodologi Kajian yang lebih baik.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, kami mendapati bahawa pertama, terdapat beberapa kelemahan yang sangat ketara jika pemahaman peribadi para pelajar dan tutor mengenai disiplin dan titik permulaan mereka untuk memahami disiplin tidak diambil kira.

Keduanya, menulis sesuatu kertas projek bukanlah perkara yang mudah. Akhirnya, terdapat beberapa perbezaan dan persamaan pengetahuan mengenai disiplin yang dimiliki oleh para pelajar dan juga tutor. Tiga elemen di atas telah dinyatakan dengan sejelasnya menerusi lensa Teori Konstruksi Personal (TKP).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti samada pelajar menggunakan konstruk mereka sendiri atau konstruk tutor mereka dalam penulisan kertas projek cadangan penyelidikan. Selain dari itu, ia juga dijalankan untuk mengenalpasti konstruk pelajar yang baik berbanding dengan pelajar yang lemah. Kajian konstruk personal yang dikaji bukanlah satu anggapan, ramalan atau hipotesis yang dilakukan, biasanya ia merupakan *top down* mengenai maksud penulisan kertas projek atau bagaimana untuk menulis kertas projek. Konstruk peribadi ini dikumpulkan daripada grid repertori yang diadaptasi secara khusus untuk kursus Metodologi Kajian yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Grid repertori yang digunakan boleh dilihat dalam Jadual 1 (Jamilah, Bahiyah, Lee & Siti Hamin, 2004) yang diubahsuai daripada Kelly (1955), Riley (1985) dan Jamilah (2001). Grid tersebut membolehkan kedua-dua pelajar dan tutor meninjau pola pemikiran dan perasaan mengenai penulisan kertas projek. Tambahan lagi, temubual grid elisitasi yang lebih terbuka bukan sahaja menggalakkan para pelajar dan tutor untuk menerokai perasaan dan pemikiran mereka mengenai penulisan kertas projek dan membuat penyelidikan; ia juga dapat membuat pengesahan mengenai maksud personal seseorang yang dibuktikan dari kenyataan yang dikeluarkan oleh mereka sendiri. Inilah yang dinamakan konstruk personal. Akhirnya, satu pendekatan yang bersifat *bottom-up* kepada penambahbaikan kursus Metodologi Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia adalah diharapkan akan menjadi hasil kepada kajian ini. Oleh itu, adalah diharapkan agar yang berikut dapat diperolehi:

- Membantu pelajar menulis kertas projek cadangan penyelidikan yang lebih baik
- Membantu tutor kursus merancang kursus Metodologi Kajian yang lebih baik dan berkesan

KEPENTINGAN TEORI KONSTRUK PERSONAL

Teori Konstruksi Personal oleh Kelly (1955) adalah berdasarkan kepada kepercayaan manusia dalam mentafsir dan bertindak terhadap situasi di dunia dengan merujuk kepada pengalaman mereka yang lepas. Teknik ini digunakan oleh Kelly untuk meninjau pemikiran dan perasaan seseorang individu melalui sistem persepsi peribadi yang dibina oleh individu itu sendiri. Teori ini menekankan perhubungan di antara individu dan alam sekitarnya sebagai kitaran pengalaman di mana manusia membangunkan sistem konstruk personal. Berdasarkan teori ini, satu sistem grid yang dipanggil Grid Repertori telah digunakan untuk merangka, merekod, dan menyimpulkan atau mentafsir dapatan kajian daripada perbualan.

Ungkapan 'repertori' diambil daripada pendapat di mana setiap individu mempunyai repertori konstruksi pengalaman mereka sendiri (Thomas & Harri-Augstein, 1985: 21). Grid Repertori ini memberi ruang di mana maksud peribadi boleh dikumpulkan. Kelly menegaskan seperti yang diperhatikan oleh Burr dan Butt (1922: 3) iaitu "*...if you want to help people to change, you must first understand the construction they are placing on their world, the theories they hold and the questions they are asking.*" Maka, teori ini menyatakan bahawa realiti

bergantung kepada banyak konstruksi alternatif dan memberi peluang kepada individu untuk menerokai kepelbagaian maksud yang mereka ada di dalam fenomena yang sama.

Riley (1985) mendakwa bahawa TKP ialah 'psikologi total', dengan memahami bahawa kedua-duanya adalah teori mengenai manusia dan teori mengetahui: iaitu, epistemik meta-teori. Teori ini adalah teori mengenai maksud ontogenesis dimana ia mengkaji kelemahan individu dan pengkategorian pengetahuan. Fokus TKP adalah terhadap individu tersebut, bentuk penilaiannya dan penaksiran situasinya. Matlamat Teori Konstruksi Peribadi adalah identifikasi, pemerhatian, dan lanjutan kepada kategori kognitif individu dan pengurusan mereka.

Teknik grid repertori boleh digunakan bersama dengan temubual grid elisitasi atau 'perbualan' untuk menyemak konstruk personal individu iaitu pendedahan dengan bersuara, model pengetahuan mereka sendiri dan juga gambaran model mereka. Mengkaji konstruk peribadi pelajar dan tutor dalam penulisan akademik (terutamanya konstruk personal mereka berkenaan dengan penulisan kertas projek dan dalam menjalankan kajian) memberi peluang kepada kita untuk melihat maksud alternatif yang mereka berikan pada konstruk tersebut. Ini membantu kita untuk memahami bagaimana mereka menginterpretasikan elemen-elemen dalam kerangka penulisan kertas projek cadangan penyelidikan.

Riley (1985) menggunakan TKP dengan pelajar untuk membantu mereka memperbaiki kebolehan dan kecekapan mereka dalam membaca dan juga mengkaji sebab kepada pembelajaran bahasa asing dan keperluan mereka dalam mempelajari bahasa tersebut. Olson (1980) menggunakan grid untuk memahami bagaimana guru mentafsir kerja mereka dan menginovasi kurikulum mereka. Dalam kajiannya, beliau menunjukkan kurikulum berubah bergantung kepada guru yang terlibat di dalamnya, iaitu kepada bagaimana mereka mempamerkan peranan mereka di dalam kelas. Kevill dan Shaw (1980) menggunakan Grid Repertori untuk menyedarkan para guru mengenai interaksi mereka dengan pelajar. Selain berfungsi sebagai asas kepada gambaran diri sendiri, grid juga menawarkan dialog yang semulajadi dan persefahaman di antara pekerja dan guru dan juga pelajar dan bertindak sebagai perangsang yang efektif kepada perubahan individu.

Kemudian, Kevill, Shaw dan Goodacre (1982) mengkaji pemikiran para guru mengikuti kursus semasa bekerja. Para guru dikehendaki mempamerkan situasi pengajaran semasa permulaan dan pada akhir kursus. Mereka kemudiannya disediakan dengan maklumbalas yang terperinci mengenai perubahan analisis grid yang membolehkan mereka untuk menambahkan lagi kefahaman mereka mengenai cara bagaimana aktiviti tersebut boleh mengubah perspektif kehidupan dan pekerjaan harian mereka.

Teknik ini juga telah dicuba dalam mesyuarat sekumpulan guru di South West English Language Teaching Association (SWELTA) di Kolej Universiti St Mark dan St John, Plymouth pada tahun 1993 (Jamilah, 2001). Jamilah (2001) menggunakan teknik ini dalam kajiannya untuk memahami respon para pelajar dalam inovasi metodologi. Jamilah et al. (2006) dan Bahiyah et al. (2011) juga telah menggunakan teknik grid repertori dalam kajian mereka tentang penulisan akademik.

Dalam kajian terdahulu, grid digunakan untuk mendapatkan konstruk pelajar dalam penulisan kertas kerja. Pelajar dikehendaki mengisi grid dan menyuarakan konstruk mereka. Konstruk juga dielisitasi daripada tutor. Konstruk pelajar dan juga konstruk tutor kemudiannya dibandingkan untuk melihat sama ada para pelajar mempunyai konstruk mereka sendiri atau mereka mengikut konstruk tutor tanpa memahaminya dengan jelas.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berpandukan paradigma interpretif sebagai analisis yang melibatkan interpretasi tingkahlaku manusia melalui teknik grid repertori. Kajian kami adalah untuk meneroka konstruksi mental tutor dan juga para pelajar- kesefahaman, kepercayaan, tingkahlaku dan lain-lain yang membolehkan mereka memahami maksud kertas projek cadangan penyelidikan dan juga apa yang terlibat dalam penulisan kertas projek cadangan penyelidikan. Hanya melibatkan penyimpanan rekod tutor dan pelajar mengenai keputusan mereka menulis dengan cara mereka sendiri dan juga menerusi analisis rekod, untuk memahami kenapa mereka melakukannya. Hasil kerja tutor dan juga pelajar akan dipenuhi dengan konstruksi pengetahuan mereka sendiri dan juga pengetahuan mereka mengenai bahasa dan juga andaian dan persepsi mereka yang sekaligus membuatkan proses kajian menjadi bertambah kompleks dan subjektif.

Responden terdiri daripada para pelajar tahun tiga dan juga dua orang tutor yang terlibat semasa kursus metodologi dijalankan. Terdapat 79 orang pelajar yang mengambil kursus Metodologi Penyelidikan dan 2 orang tutor sahaja yang mengendalikan kursus tersebut. Kesemua 79 pelajar terdiri daripada mereka yang berbeza tahap kecekapan bahasa Inggeris, latarbelakang ekonomi, budaya persekolahan dan juga budaya kerja. Daripada populasi 79 orang pelajar, kami bahagikan mereka kepada tiga kumpulan - cemerlang, sederhana dan lemah, untuk membenarkan perwakilan dari setiap kumpulan dan juga pembolehubah para tutor (setiap tutor mengajar sekurang-kurangnya 20 orang pelajar). Markah purata yang diperuntukkan untuk penulisan kertas projek adalah sebanyak 50%. Berdasarkan itu, kami telah memilih 11 orang pelajar untuk setiap kumpulan. Kami juga memilih subjek daripada kumpulan etnik yang berbeza. Disebabkan populasi yang kecil, jantina tidak diambil kira. Untuk tujuan kajian ini, disebabkan data yang sangat teliti dan ekstensif, kami membincangkan hasil dapatan daripada dua orang pelajar, seorang pelajar yang cemerlang dan seorang pelajar yang agak lemah. Kami juga melibatkan dua orang tutor yang mengajar kursus tersebut. Hanya adalah satu keperluan untuk mengkaji kedua-dua kumpulan pelajar dan juga tutor yang kerana kami berminat dengan konstruk peribadi kedua-dua kumpulan peserta, yakni konstruk apa yang digunakan oleh pelajar dan kesannya kepada wacana penulisan berbanding dengan konstruk tutor.

Kami menggunakan grid konstruk personal yang berasaskan Teori Konstruk Personal oleh Kelly (1955) untuk meninjau pemikiran dan perasaan para pelajar dan juga tutor melalui penggunaan sistem persepsi peribadi yang dikonstruk oleh individu/ mereka. Teknik mencungkil apa yang ada 'dalam' seseorang individu itu, iaitu perasaan, pendapat, motivasi peribadi, tingkahlaku dan lain-lain berkaitan dengan penulisan kertas projek dan dalam melakukan kajian yang dirangkakan oleh satu sistem yang dipanggil Grid Repertori.

Konsep 'repertori' diambil daripada idea dimana setiap individu mempunyai konstruksi peribadi melalui pengalaman (Thomas & Harri-Augstein, 1985: 21). Grid memberi ruang di mana maksud peribadi boleh dikumpul dan juga boleh dibincangkan dengan lebih mendalam melalui temubual grid elisitasi. Maka, individu akan diberi kebebasan untuk menyumbang maksud peribadi mereka sendiri; dalam erti kata lain, mereka dapat merasai keseronokannya untuk meluahkan perasaan dan pemikiran mereka yang sebenar.

Dalam grid yang telah diubahsuai, beberapa elemen yang telah dipilih adalah berkisar tentang budaya penulisan kertas projek. Lapan elemen telah dikenalpasti berdasarkan input para pelajar dan juga tutor mengenai perkara-perkara yang penting dan isu-isu dalam penulisan kertas projek dan juga dalam menjalankan kajian (lihat nombor 1-8 di bawah yang bersamaan dengan elemen-elemen dalam Jadual 1). Tujuh daripadanya di ambil daripada topik dalam modul yang dirancang untuk kursus Metodologi Kajian yang ditawarkan untuk program BA ELS. Elemen-elemen tersebut adalah: membuat kelompok kajian (1), objektif

dan persoalan kajian (2), kerangka teori dan tinjauan literatur (3), memilih metodologi kajian (4), menganalisis data (5), melaporkan dapatan kajian (6), menggunakan bahasa yang sesuai (7), dan maklumbalas daripada penyelia/ tutor (8).

Temubual grid elisitasi dijalankan setelah merujuk kepada grid repertori. Para pelajar dan juga tutor diarahkan untuk mengkombinasikan secara rawak mana-mana 3 elemen di dalam grid. Kemudian, para pelajar dan juga tutor menyuarakan kefahaman mental mereka mengenai permulaan dalam penulisan kertas projek dan menjalankan penyelidikan. Dalam kajian ini, penggunaan grid Kelly (1955) dan Riley (1985) yang telah diubahsuai dan juga temubual grid elisitasi memastikan yang ianya mudah difahami untuk tujuan proses pengumpulan data. Temubual grid elisitasi memberi peluang meneliti pemikiran para pelajar dan tutor, di sebalik kegiatan mereka, dan boleh digunakan untuk menganalisa kegiatan mereka dalam bentuk kategori subjektif.

Disebabkan isi perbualan temubual adalah berdasarkan kepada konstruk mereka sendiri, elisitasi direka sedemikian untuk membolehkan para pelajar dan juga tutor meluahkan apa yang tersimpan dengan cara mereka sendiri. Dengan cara ini, mereka berpeluang untuk menyuarakan maksud peribadi mereka dengan cara yang semulajadi, tidak berdasarkan kepada konsep-konsep yang telah ditetapkan oleh para penyelidik dan mereka yang berminat dengan konsep tersebut. Temubual direkodkan dan kemudiannya ditranskripsikan. Akhirnya, kertas projek cadangan penyelidikan pelajar yang sebenar dianalisa dengan mengambilkira konstruk personal dan hasil penulisan. Maklumbalas dari tutor mengenai kelebihan dan kelemahan kertas projek pelajar juga direkod dan ditranskripsikan.

Analisis Data

Data dikumpulkan dengan menggunakan grid repertori dan temuramah/ perbualan grid elisitasi daripada kedua-dua pelajar dan tutor. Mereka kemudiannya dianalisis mengikut kelas untuk mendedahkan "*what goes on with what*" dalam pemikiran peserta. Cara analisis ini hanya satu daripada pelbagai kumpulan grid dan teknik interpretasi (lihat Riley (1985) dan Thomas dan Harri-Augstein, (1985) untuk teknik dan kumpulan grid yang lain). Bagaimanapun, prinsip yang menjadi asas kepada kesemua teknik interpretasi dan kumpulan grid yang berlainan ialah menyediakan peserta (pelajar dan tutor) dengan '*physic mirror*' yang mana objektifnya bersangkutpaut dengan kategori kognitif dalam bidang yang mereka pelajari. Kertas projek para pelajar juga dianalisis menggunakan analisis kandungan berdasarkan kepada lapan elemen yang terdapat dalam grid (lihat Jadual 1)

Pembaharuan data dibentuk melalui proses pembentukan semula metod dengan merujuk kepada fenomena yang sama. Transkrip temubual/ perbualan grid elisitasi dan kertas projek pelajar yang disubjekkan kepada analisis kandungan dan temubual yang seterusnya juga dijalankan dengan tujuan pembaharuan. Merujuk kepada Lincoln dan Guba (1985), jika bukti boleh menyelamatkan proses ini, penyelidik boleh yakin akan kesahan dan kesahihannya. Argumen ini boleh diringkaskan seperti berikut: satu kaedah yang tidak sempurna akan disingkirkan oleh kekuatan kaedah yang lain (Lincoln & Guba, 1985).

Jadual 1 Grid Repertori (*Diubahsuai daripada Kelly (1955), Riley (1985) dan Jamilah (2001) oleh Jamilah et al. (2004)*)

PERBEZAAN						PERSAMAAN			
	1	2	3	4	5	6	7	8	
Elemen konstruk	Membentuk kelompok kajian	Objektif & Persoalan Kajian	Kerangka Teori & Tinjauan Literatur	Pemilihan Metodologi Kajian	Analisis Data	Laporan Hasil	Bahasa	Respon Tutor/ Penyelia	Elemen konstruk

Kriteria Konstruk Pelajar dalam Penulisan Kertas Projek Cadangan Penyelidikan

Berdasarkan kepada persoalan kajian 1 dan 2, kami telah mendapati bahawa para pelajar dan juga tutor mempunyai konstruk mereka sendiri dalam penulisan kertas projek dan dalam membuat kajian. Untuk tujuan kajian ini, kami akan menekankan 3 konstruk yang paling utama yang disuarakan oleh pelajar dan tutor. Perincian mengenai konstruk diringkaskan dalam Jadual 2 untuk membuat kelompok kajian/ titik permulaan kajian (RN), Jadual 3 melihat kepada rangkakerja teori (TF) dan Jadual 4 melihat kepada rangkakerja metodologi (MF). Dalam setiap jadual, konstruk tutor akan diletakkan di dalam satu kolom bersebelahan dengan konstruk pelajar (S4 – peserta yang lemah dan S10 – peserta terbaik). Kolom ketiga menyediakan perbandingan antara 2 konstruk dengan penulisan kertas projek cadangan penyelidikan pelajar. Dalam membincangkan dapatan kajian, pemilihan pelajar dibuat berdasarkan kepada tahap pencapaian pelajar dalam kursus Metodologi Pendidikan. Kami mendapati bahawa S4 merupakan pelajar yang lemah dan S10 pelajar yang terbaik dan kami memilih mereka berdasarkan kepada kriteria ini.

Jadual 2 Membuat kelompok kajian/ titik permulaan kajian (RN)

Konstruk: Tutor A	Konstruk: S4	Kertas Projek Cadangan Penyelidikan Pelajar
<p>Kajian adalah berorientasikan proses Menjalankan kajian adalah lebih kepada suatu proses dimana anda bermula di titik permulaan dan selepas itu dengan objektif kajian, soalan kajian, dan daripada itu anda akan menjumpai kelompok kajian yang sesuai dan juga dengan pembacaan dan pengetahuan mengenai bidang yang dikaji akan membolehkan anda mengkonsepsikan keseluruhan kajian. Setiap langkah diambil kira kerana setiap perkara adalah bersangkutan paut Titik permulaan akan menjadi panduan kamu ke arah rangkakerja teori dan CF Jika anda tidak mempunyai titik permulaan, anda tidak boleh mengkonsepsikan kajian</p> <p>Konstruk: Tutor B</p>	<p>Kajian perlu dijalankan mengikut peringkat: Objektif, memilih metodologi kajian dan melapor dapatan kajian Idea penulisan kajian dibuat dengan bijak Objektif dan persoalan kajian adalah berdasarkan kepada kelompok kajian. Apabila anda telah membuat kelompok kajian, ianya akan menentukan objektif dan objektif akan menentukan persoalan kajian Objektif, persoalan kajian dan metodologi kajian adalah hampir sama dengan membuat kelompok dan rangkakerja teori dan tinjauan literatur Kelompok akan membantu pelajar untuk menjangka metodologi kajian dan bagaimana menganalisis data</p> <p>Konstruk: S 10</p>	<p>Pelajar tahu bahawa kelompok kajian adalah penting. Bagaimanapun, beliau menghadapi kesukaran dalam membuat dan menerangkan kelompok kajian. Dan beliau juga mengalami kesukaran dalam menerangkan pernyataan masalah. Latarbelakang kajian tidak berkaitan dengan kelompok kajian dan persoalan kajian adalah ulangan kepada objektif. Maka disebabkan itulah objektif dan persoalan kajiannya terpisah – tiada kelompok untuk membantu</p> <p>Kertas Projek Cadangan Penyelidikan Pelajar</p>

Pada permulaan kajian, pelajar perlu mempunyai beberapa idea. Ianya sangat penting, mereka tidak perlu mengetahuinya dengan sangat mendalam tetapi perlu mempunyai pengetahuan mengenainya apabila berbincang dengan penyelia

Kelompok kajian adalah berdasarkan pendapat peribadi penyelidik dan penyelia. Pembuatan kelompoknya mendapat nilai yang paling tinggi kerana ianya berdasarkan kajian terdahulu..

Kelompok menyumbang kepada objektif kajian. Hasil kajian adalah berdasarkan kelompok kajian.

Hasil kajian menyumbang kepada kelompok kajian.

Apa yang kita ingin kaji adalah berdasarkan kelompok dan objektif kajian.

Melaporkan dapatan kajian adalah bersangkutan dengan kelompok dan objektif kajian.

Kelompok kajian adalah berdasarkan pendapat peribadi. Maklumbalas adalah

berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu dan juga matlamat dan kelompok kajian. Kelompok dan objektif adalah bersangkutan. Objektif kajian adalah bersangkutan dengan kelompok kajian.

*Membuat kelompok & persoalan kajian yang tidak berkaitan dengan kerangka teori.

Analisis data adalah berdasarkan kepada data bukan kelompok.

Hasil daripada kajian adalah berkaitan dengan kelompok kerana ianya adalah berdasarkan kepada kelompok dan objektif.

Hasil kajian juga sebahagiannya boleh menyumbang kepada penemuan kelompok dan objektif.

Pendapat adalah berkaitan dengan kelompok kajian. Objektif kajian adalah berdasarkan kepada kelompok kajian (bukan 100%).

*Perlu merujuk kepada literatur terdahulu untuk mengetahui masalah anda.

Proses untuk membuat kajian merangkumi langkah-langkah dan material.

S 10 telah membentuk dan menterjemah semula konstruk tutor beliau. Beliau merupakan seorang pelajar yang berbakat. Kelompok kajian dinyatakan dengan jelas.

Jadual 3 Rangkakerja Teori (TF)

Konstruk: Tutor A	Konstruk: S 4	Kertas Projek Cadangan Penyelidikan Pelajar
<p>Rangkakerja teori adalah penting pada titik permulaan; anda perlu melihat rangkakerja teori (TF) orang lain di mana anda boleh meletakkan diri anda</p> <p>TF bergerak seiring dengan MF kerana ianya menentukan kaedah untuk menganalisis data, perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang tersebut, jikalau tidak keseluruhan kajian tidak akan berjalan dengan lancar</p>	<p>Rangkakerja teori dan tinjauan literatur juga membantu dalam memilih metodologi kajian yang sesuai</p> <p>Teori yang digunakan adalah sangat berguna dalam menentukan metodologi kajian dan analisis data yang sesuai</p> <p>Rangkakerja teori adalah penting kerana teori-teori yang anda gunakan untuk menganalisis data dan laporan memberi gambaran kepada keseluruhan hasil kajian</p>	<p>Tinjauan Literatur dan rangkakerja teori – mengulangi konstruk tutor. Bagaimanapun, tidak ada kenyataan mengenai TF dan tinjauan literatur hanya merangkumi 1.5 muka surat dan ianya sangat tidak mencukupi. Pelajar tidak membincangkan kajian-kajian terdahulu dan tinjauan literatur beliau adalah salah sama sekali</p> <p>Tinjauan literatur berkaitan dengan persoalan kajian – tetapi tidak ditunjukkan dalam kertas projek</p> <p>Tinjauan literatur kepada persoalan kajian – konstruk tutor diulang oleh pelajar tetapi tidak berupaya untuk memperlihatkan di dalam penulisan</p>
<p>Konstruk: Tutor B</p> <p>Semua pelajar perlu mempunyai pengetahuan mengenai teori</p> <p>Pelajar selalu keliru di antara TF dan CF</p> <p>Anda perlukan teori untuk menentukan output</p> <p>Teori tidak berkaitan dengan MF, teori adalah berkaitan dengan output</p> <p>Teori tidak akan berkembang pada titik permulaan tetapi selepas pembacaan dan tinjauan literatur</p> <p>Teori akan menentukan konsep</p> <p>Teori yang anda rujuk boleh menentukan dan memandu anda kepada penggunaan metod; teori yang digunakan juga akan membantu dalam pemilihan metod</p> <p>TF perlu diperkenalkan terlebih dahulu oleh tutor yang mengajar subjek konten</p>	<p>Konstruk: Pelajar 10</p> <p>Rangkakerja teori berdasarkan kepada kajian terdahulu atau apa yang diperolehi daripada data</p> <p>Dapatan kajian dan respon respon tidak keseluruhannya berkaitan dengan rangkakerja teori dan metodologi kajian</p> <p>Telah disahkan bahawa rangkakerja teori dan tinjauan literatur adalah berdasarkan kepada kajian terdahulu</p>	<p>Kertas Projek Cadangan Penyelidikan Pelajar</p> <p>Rangkakerja teori sangat jelas</p> <p>Pelajar menunjukkan bahawa beliau telah banyak melakukan pembacaan mengenai kajian terdahulu. Tinjauan literatur beliau telah dibincangkan dengan jelas</p>

Jadual 4 Kerangka Metodologi (MF)

Konstruk: Tutor A	Konstruk: S 4	Kertas Projek Cadangan Penyelidikan Pelajar
<p>MF adalah tidak penting pada titik permulaan. Anda hanya perlu memikirkannya selepas anda membuat keputusan mengenai apa yang hendak anda lakukan, kemudian barulah anda membuat keputusan mengenai metodologi. Ianya juga adalah bergantung kepada apa yang sedang anda kaji</p> <p>Apabila di tinjauan literatur, metodologi adalah penting kerana tinjauan literatur akan menyimpulkan metodologi apa yang perlu digunakan dan juga dapatan kajian</p> <p>MF adalah penting apabila anda merancang metod anda sama ada berdasarkan yang terdahulu atau sesuatu yang baru</p> <p>Anda perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang yang dikaji dan juga pengetahuan dalam metodologi, apabila anda telah mempunyai kesemuanya anda boleh menentukan apa yang perlu anda pilih, campur atau menggabungkan beberapa metod. Mereka perlu membaca kajian-kajian terdahulu dan pelbagai jenis dapatan kajian dalam bidang tersebut.</p>	<p>Apabila anda telah mengetahui kelompok kajian, anda boleh teruskan dengan memilih metodologi kajian</p> <p>Metodologi kajian membantu anda dalam mendapatkan dapatan kajian kerana daripada metod, anda menganalisis data dan akhirnya mendapat keputusan. Daripada ini anda akan mencapai dapatan kajian.</p> <p>Rangkakerja teori dan tinjauan literatur juga membantu dalam memilih metodologi kajian yang betul dan sesuai</p>	<p>Kelompok membantu untuk memilih metod kajian dan pengumpulan data yang sesuai- pelajar mempunyai konstruk yang betul tetapi tidak berupaya untuk mempamerkan dalam bentuk penulisan. Mengulangi konstruk tutor</p>
<p>Konstruk: Tutor B</p> <p>Pengetahuan mengenai metodologi bukan pada permulaan. Bagaimanapun pelajar perlu sudah mempunyai beberapa idea</p> <p>Rangkakerja metodologi adalah penting hanya apabila anda sudah mempunyai persoalan kajian. Persoalan kajian menentukan MF anda</p> <p>Metod adalah penting dalam menentukan output. Adalah penting untuk mengetahui metod untuk menentukan hasil akhir kajian walaupun anggapan kemungkinannya berbeza.</p> <p>Terdapat kaitan antara metod, konsep dan teori</p>	<p>Konstruk: S10</p> <p>Data adalah sebahagian daripada bahan-bahan. Apabila menganalisis data kita perlu berdasarkan kepada data tersebut dan metodologi adalah berdasarkan kepada bagaimana untuk mendapatkan data dan kita perlu merancang dan mencari metodologi yang sesuai</p> <p>*Metodologi tidak berdasarkan konsep dan minat tetapi kepada objektif dan kelompok kajian</p> <p>*Penganalisan data adalah berdasarkan kepada konsep yang telah dibincangkan oleh penyelidik terdahulu</p> <p>*Melaporkan dapatan kajian</p>	<p>Kertas Projek Cadangan Penyelidikan Pelajar</p> <p>Rangkakerja metodologi sangat jelas dinyatakan. Pilihan pelajar mengenai metodologi kajian adalah berdasarkan metod penyelidik terdahulu daripada pengumpulan data</p> <p>Data analisis pelajar juga berdasarkan kepada prosedur yang telah dilakukan penyelidik terdahulu</p>

juga berdasarkan konsep dan minat daripada penyelidik terdahulu dan apa yang diperolehi daripada data

*Pemilihan metodologi kajian adalah berdasarkan bagaimana kajian dilakukan oleh penyelidik terdahulu

*Metodologi kajian masih berdasarkan kepada pendapat peribadi – iaitu apa yang sesuai untuk meneruskan kajian

*Pemilihan metodologi kajian adalah bergantung kepada apa yang anda fikirkan sesuai untuk meneruskan kajian

*Setiap 'rule' adalah berdasarkan kepada konsep yang dicadangkan oleh penyelidik terdahulu.

*Kajian terdahulu mungkin membantu dalam memberikan idea untuk membentuk persoalan kajian

*Objektif adalah tidak penting dalam pemilihan metodologi kajian dan penganalisan data.

Berdasarkan kepada konstruk peribadi pelajar, kebanyakan daripada para pelajar cenderung untuk membayangkan konstruk tutor dimana ciri-ciri penulisan kertas projek diambil berat, menunjukkan bahawa ciri-ciri tersebut telah diajar dalam kursus yang telah mereka jalani. Bagaimanapun, terdapat kes-kes di mana pelajar mempunyai konstruk tetapi tidak mampu untuk mentafsirkan atau menterjemahkan pendapat mereka ke dalam wacana penulisan yang sebenar, iaitu dalam penulisan kertas projek (RP). Contohnya S4; di mana konstraknya sangat sepadan dengan tutornya. Penganalisan kertas projek S4 telah menunjukkan bahawa beliau mempunyai konstruk dalam peringkat penulisan kertas kerja yang betul. Merujuk kepada tutor, ianya diajar semasa kuliah dan diperkukuhkan lagi dalam tutorial. Ini dapat dilihat di dalam tajuk-tajuk yang digunakan pelajar dalam penulisan kertas projek cadangan penyelidikan. Bagaimanapun, apabila menganalisis kandungan sebenar dalam peringkat-peringkat ini, maklumat penting telah didedahkan.

Merujuk kepada analisis grid dan transkrip temubual grid elisitasi, S4 mengetahui bahawa kelompok kajian adalah penting dan ini bertembung dengan konstruk tutor mereka. Bagaimanapun, pelajar mempunyai masalah dalam menerokai kelompok kajian. Merujuk kepada kertas kerja pelajar, didapati bahawa pelajar tidak mampu untuk menerangkan kelompok kajiannya. Latar belakang kajiannya tidak berkaitan dengan kelompok kajian. Pelajar juga tidak mampu untuk menyatakan pernyataan masalah dengan terang dan jelas. Kerana itu, persoalan kajiannya (RQ) hanyalah ulangan kepada objektif kajian. Perkara yang sama juga berlaku kepada persoalan kajian. Objektif dan persoalan kajiannya juga tidak berkaitan dengan kelompok kajian seperti yang dinyatakan dalam konstruk personalnya. Disebabkan inilah objektif dan persoalan kajiannya terpisah dengan tiada kelompok untuk menghubungkan mereka. Dalam temubual, tutor yang mengajar S4 mengandaikan bahawa S4 telah dilengkapi dengan kemahiran yang perlu dalam penulisan akademik. Ini memberi gambaran kepada satu daripada masalah-masalah yang besar dalam program ini – persepsi tutor adalah pelajar sepatutnya telah mempunyai kemahiran tersebut daripada kursus-

kursus terdahulu yang ditawarkan semasa tahun pertama pengajian. Pernyataan-pernyataan di atas jelas menunjukkan bahawa S4 mempunyai masalah untuk memindahkan apa yang dia tahu dalam pemikirannya dan mengaplikasikan pengetahuan ini ke dalam penulisan kertas projek.

Sebaliknya, S10 pula mampu untuk membentuk konstruksinya sendiri yang dibina hasil daripada mengkonstruksi semula sebahagian besar konstruk peribadi Tutor A dan Tutor B. Ini telah terbukti dalam konstruksinya dalam kelompok kajian, kerangka teori dan kerangka metodologi yang terserlah dalam transkrip temubual grid elisitasi. Pelajar ini membuat konstruksinya sebahagian besar daripada tutor A dan kemudiannya daripada tutor B. Ianya dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 2, dimana konstruksinya berkenaan dengan kelompok kajian; ini menunjukkan kepentingan mempunyai kelompok dahulu sebelum memulakan kajian. Pelajar juga memperkembangkan konstruk Tutor B dengan menambah objektif, analisis, dapatan kajian dan dalam perbincangan dapatan kajian.

Dalam Jadual 3, konstruk kerangka teori S10 adalah bersamaan dengan konstruk Tutor B, iaitu kerangka teori dan tinjauan literatur adalah berdasarkan kepada pembacaan kajian-kajian terdahulu. Namun begitu, S10 telah membangunkan konstruksinya sendiri berdasarkan terjemahan/interpretasi konstruk tutornya. Khususnya, dalam Jadual 4 (lihat Konstruk: Tutor A dan Konstruk: S10 terutamanya yang ditandakan dengan *) dengan mengambil kira konstruksinya dalam metodologi kajian. Pelajar juga telah menterjemah kepentingan kajian terdahulu kepada konstruksinya dalam penganalisan data dan juga perbincangan dapatan kajian.

Merujuk kepada konstruk peribadi tutor, analisis grid dan transkrip temubual grid elisitasi menunjukkan konstruk tutor banyak menyerlahkan mengenai latihan mereka. Terdapat beberapa perbezaan antara konstruk Tutor A dan Tutor B dalam penulisan kertas projek dan juga dalam menjalankan kajian. Perbezaan mengenai kefahaman mereka kemudiannya ditukar ke dalam bentuk latihan. Tutor A, sebagai ketua kursus Metodologi Kajian, telah membuat konstruk menjadi rasmi, yang beliau anggap penting dalam penulisan kertas kerja berdasarkan orientasinya sendiri dalam melakukan kajian. Secara dasarnya kebanyakan konstruk koordinator digunakan oleh tutor sebagai elemen dasar dalam pengajaran untuk menyelaraskan ilmu yang disampaikan kepada pelajar.

Bagaimanapun, dalam sesi pengajaran, setiap tutor biasanya berdasarkan kepada interpretasi konstruk mereka sendiri daripada konstruk yang telah ditetapkan dan maka dengan itu terdapatlah perbezaan dan juga persamaan dalam konstruk Tutor A dan Tutor B di mana kedua-duanya bersetuju bahawa kelompok kajian adalah penting (lihat konstruk Tutor A dan Tutor B, Jadual 2). Mereka juga bersetuju bahawa kerangka metodologi adalah tidak penting pada awal kajian. Tutor A melihat tinjauan literatur adalah seiring dengan pembentukan kerangka kajian manakala Tutor B pula melihat bahawa kerangka metodologi adalah penting setelah persoalan kajian dibentuk.

Dalam penulisan kertas projek, secara umumnya pelajar menggunakan konstruk tutor mereka sebagai asas yang telah diperkenalkan oleh tutor-tutor mereka di dalam kursus yang diambil. Mempunyai konstruk yang tetap ini membantu dalam penyelarasan penilaian kertas projek dan juga membantu dalam mengawal interpretasi maksud kajian. Contohnya, konstruk Tutor A adalah berbeza dengan konstruk tutor B, tetapi dilihat sebagai lumrah daripada pelbagai jenis pendekatan dalam penulisan kertas projek. Pelajar agak selesa menggunakan konstruk tutor kerana mereka bimbang untuk pergi lebih jauh lagi daripada apa yang telah diajar. Walaupun pendekatan genre sangat membantu, ianya membataskan kefahaman pelajar dan menghalang sifat ingin tahu (*curiosity*) pelajar dalam mencari kaedah-kaedah lain dalam penulisan genre kertas projek ini.

Telah dapat dilihat dengan jelas bahawa S4, seorang pelajar yang sangat lemah berfikir bahawa beliau perlu berpegang teguh kepada konstruk sedia ada walaupun beliau tidak memahami sebahagian daripadanya, maka beliau tidak berjaya untuk menterjemahkannya ke dalam penulisan yang dihasilkan. Kebanyakan masa yang digunakannya adalah mengulangi konstruk tutornya. S10, pelajar yang paling cemerlang, juga berdasarkan penulisannya kepada konstruk formal; bagaimanapun, beliau pelajar yang meluaskan kefahamannya mengenai konstruk berdasarkan kepada konstruk tutor dan berjaya mengolahkannya ke dalam penulisan kertas projek cadangan penyelidikannya. (lihat Jadual 2, 3 dan 4).

CADANGAN

Konstruk formal atau *conventions* mungkin membantu atau pun tidak dalam penulisan kertas projek pelajar. Terdapat kelebihan dan kekurangan kepada kerangka kerja penulisan berasaskan genre. Telah dapat dilihat dengan jelas penulisan berasaskan genre telah membataskan pelajar untuk menulis mengikut kaedah yang telah ditetapkan walaupun jika mereka tidak memahami akan *convention* yang diberikan oleh tutor mereka dalam penulisan kertas akademik. Pelajar terpaksa mengikuti kerangka yang tiada dalam konstruk awal penulisan kertas kerja. Pendekatan *top down* ini mungkin membataskan pelajar seperti S4 yang tidak mempunyai konstruk awal tetapi terpaksa mengikuti kerangka yang diberikan, dan S10 yang telah membentuk konstraknya sendiri dan mampu untuk pergi lebih jauh daripada kerangka yang diberikan tetapi tidak berani untuk mengingkari *convention* formal dalam penulisan kertas projek.

Dengan itu, berdasarkan kepada dapatan kajian, kami mencadangkan pendekatan *bottom up* yang berorientasikan pelajar dalam penulisan akademik, yang akan membantu bukan sahaja pelajar yang lemah, tetapi juga pelajar yang cemerlang dalam menghasilkan penulisan akademik yang lebih baik, terutamanya dalam penulisan kertas projek cadangan penyelidikan. Dalam pendekatan ini, pengelola kursus dan tutor bekerja dalam lingkungan apa yang diketahui oleh pelajar mengenai subjek dan juga apa yang mereka boleh lakukan dan bukan apa yang tutor dan pengelola kursus fikir mengenai apa yang pelajar perlu dan tidak perlu lakukan. Kerangka untuk kertas projek ini perlu dikumpulkan daripada pengetahuan yang pelajar telah bina melalui kursus yang diikuti.

Tambahan lagi, menyimpulkan keseluruhan konstruk pelajar menerusi persepsi, perasaan dan kepercayaan tentang apa yang terlibat dalam kajian dan penulisan kertas projek boleh membantu pengelola kursus dan/atau tutor dalam pembentukan konstruk para pelajar sendiri. Ini dapat membantu pelajar untuk menulis kertas projek yang lebih baik dan efektif. Masalah dalam menkonsepsi kajian dan penulisan kertas projek yang dialami oleh pelajar boleh dikenalpasti dari awal lagi dalam kursus, mungkin sebelum kursus dimulakan dan diperbaiki pada awal semester, bukan pada akhir semester semasa penilaian akhir dapatan (Jamilah, Bahiyah, Lee & Siti Hamin, 2004).

Didapati bahawa belum lagi terdapat kriteria yang tetap untuk menilai kertas projek cadangan penyelidikan pelajar; dengan itu, beberapa pembolehubah perlu dikenalpasti. Pertama, perlu ada budaya penulisan kertas projek yang bersesuaian. Ini perlu disemaikan dalam diri pelajar sebelum mereka beralih kepada projek penyelidikan yang sebenar. Pelajar perlu didedahkan kepada bentuk, struktur dan laras bahasa yang sesuai untuk penulisan akademik. Isu-isu dalam penulisan seperti etika dan plagiarisma perlu dibangkitkan dan dibincangkan kerana ianya memberi kesan di dalam proses penyelidikan. Kertas projek kemudiannya ditulis dengan mengambil kira isu-isu tersebut. Dengan itu, penilaian kertas projek cadangan penyelidikan pelajar bukan sahaja berdasarkan laras bahasa, yang "memberitahu" mengenai konten, tetapi juga meliputi perkara-perkara penting

dalam proses mereka dan menggubal sesuatu kajian. Kertaskerja ini mencadangkan elemen-elemen untuk menilai sesuatu kertas projek cadangan penyelidikan yang baik mengambil kira elemen-elemen yang telah dikenalpasti di dalam Grid Repertori iaitu lapan elemen yang pelajar perlu fahami dalam proses penulisan kertas projek cadangan penyelidikan; iaitu membuat kelompok kajian, objektif dan persoalan kajian, kerangka teori dan tinjauan literatur, memilih metodologi kajian, menganalisis data, melaporkan dapatan kajian, menggunakan bahasa yang sesuai dan maklumbalas dari tutor (Jamilah, Bahiyah, Lee & Siti Hamin, 2004). Kesemua elemen ini boleh diubah bergantung kepada kumpulan pelajar yang berlainan, yang mungkin mempunyai latarbelakang sosial dan pendidikan yang berbeza. Begitu juga dengan permintaan kepada projek penyelidikan dari pelbagai bidang yang pelajar lalui mungkin akan memberi laluan kepada perbezaan dan kepelbagaian kaedah di dalam penulisan kertas projek cadangan penyelidikan. Dengan itu, tidak ada kaedah yang tetap (*standardized*) dalam penilaian kertas projek cadangan penyelidikan, tetapi beberapa isu yang berkaitan dengan penulisan kertas projek cadangan penyelidikan perlu diambil kira.

Penghargaan: Kertas ini adalah sebahagian daripada hasil projek penyelidikan Geran Universiti Penyelidikan (GUP) Universiti Kebangsaan Malaysia. Kod Penyelidikan: UKM-GUP-JKKBG-08-08-031

RUJUKAN

- Bahiyah Dato' Abdul Hamid, Siti Hamin Stapa, Jamilah Mustafa & Fuzirah Hashim 2011. Investigating students' and tutors' personal constructs in writing research proposal: Implications for teaching and learning. *The International Journal of Learning*, 18(3): 405-420.
- Björk, Lennart & Christine Räisänen 2003. *Academic Writing. Student Litteratur*. Copenhagen: Copenhagen Business School Press.
- Burr. V. & Butt. T. 1992. *Invitation to Personal Construct Psychology*. London: Whurr Publishers Ltd.
- Coe, R. M. 2002. *The New Rhetoric of Genre: Writing Political Briefs*. In A.M. Johns (Ed.), *Genre in the Classroom*, pp 195-205. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Jamilah Mustafa, Bahiyah Abdul Hamid, Lee Siew Chin & Siti Hamin Stapa, 2004. Final Research Report Fundamental Research Grant SK/33/2003 - *Investigating Students' Constructs in Writing Research Proposals: Towards a Better Understanding*, Unpublished Final Research Report for the Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamilah Mustafa, Siti Hamin Stapa, Lee Siew Chin & Bahiyah Dato' Abdul Hamid. 2006. Investigating students' personal constructs in writing research proposals: a case study. *3L Journal of Language Teaching, Linguistics and Literature*, 12: 65-82.
- Jamilah Mustafa. 2001. A Naturalistic Inquiry into the Effects of Methodological Innovation (language awareness) in the Language Classroom: Developing an Understanding of Change Process as Experienced by a Group of Malaysian Learners. Unpublished PhD Thesis, University of Exeter.
- Johns, A.M. (Ed). 2002. *Genre in the Classroom*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Kelly, G. 1955. *The Psychology of Personal Constructs*. (Vol. 1). New York: W. W. Norton.
- Kevill, F., Shaw, M. & Goodacre, E. 1982. In-service diploma course evaluation using repertory grid. *British Educational Research Journal*, 8(1): 45-46.
- Kevill, F. M. & Shaw, M. L. G. 1980. A repertory grid study of staff-student interactions. *Psychology Teaching*, 8(1): 29-36.

- Kruse, O. 2003. *Getting Started: Academic Writing in the First Year of a University Education*. In: G. Rijlaarsdam (Series ed.) & L. Bjork, G. Bra'uer, L. Rienecker & P. Stray Jorgensen (Volume Eds.), *Studies in Writing, Volume 12, Teaching Academic Writing in European Higher Education*, pp. 19-28.
- Lincoln Y.S. and E.G. Guba. 1985. *Naturalistic Inquiry*. London: Sage Publication.
- Olson, J. 1980. Teacher construct and curriculum change. *Journal of Curriculum Studies*, 12: 167-169.
- Philips, E.M. & Pugh, D.S. 1987. *How to Get a PhD: A Handbook for Students and Their Supervisors*. Buckingham: Open University Press.
- Riley, P. 1985. *Mud and Stars: Personal Constructs, Sensitisation and Learning*. In Philip Riley (Ed.), *Discourse and Learning: Papers in Applied Linguistics and Language Learning from the Centre de Recherches et d'Applications Pedagogiques en Langues (C.R.A.P.E.L)* (pp. 154-169). Harlow, Essex: Longman Group Limited.
- Thomas, L.F & Harri-Augstein, E.S. 1985. *Self-organised Learning: Foundations of a Conversational Science for Psychology*. London: Routledge and Keegan Paul, Plc.

Corresponding Author: bahiyah@ukm.my